

05/12/2001

Persatuan pelajar serah deklarasi

KUALA LUMPUR, Selasa - Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) akan menyerahkan Deklarasi Menyokong Kerajaan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di kediamannya di Putrajaya, esok.

Serentak itu, satu dialog serta majlis berbuka puasa bersama Perdana Menteri yang disertai 200 pemimpin pelajar pusat pengajian tinggi awam dan swasta akan diadakan mulai jam 7 malam.

Presiden GPMS, Datuk Suhaimi Ibrahim, berkata deklarasi itu program kedua selepas mesyuarat membincangkan langkah bersama bagi menangani kemelut yang berlaku pada masa ini, khususnya demam pilihan raya kampus baru-baru ini.

Beliau berkata, gerakan bersepadu akan diadakan menggunakan pendekatan bersesuaian dan berkesan dalam usahanya menyatupadukan semua mahasiswa di seluruh negara.

(END)